



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 5

RABU IHB. FEBRUARI, 1978.

رابعو 22 صفر 1398

PERCHUMA

1,540 ORANG CHALUN LULUS PEPEREKSaan BJC/SRP TAHUN 1977

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 1,056 orang chalun dari tujuh buah Sekolah Inggeris Kerajaan, tujuh buah Sekolah Misi dan dua buah Sekolah China di-seluruh negeri telah lulus Brunei Junior Certificate of Education Examination yang telah di-adakan tahun lalu.

Jumlah chalun yang mengambil peperiksaan itu ia-lah sa-ramai 2,946 orang dan peratus yang lulus ia-lah bersamaan dengan 35.85.

Sekolah Arab chapai 100% sekali lagi dalam pereksa SRP

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sekolah Menengah Laki2 Hassanah Bolkiah/R.I.A.D. telah berjaya sekali lagi mencapai kelulusan 100 peratus dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei yang di-adakan dalam tahun lalu. Kesemua 20 orang chalun yang di-kemukakan oleh Sekolah itu telah lulus — 11 orang mendapat Bahagian I, lima mendapat Bahagian II dan empat mendapat Bahagian III. Dalam peperiksaan tahun 1976 kesemua lapan orang chalun dari sekolah itu juga telah lulus.

Tempat kedua jatuh kepada Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara yang memperoleh 79.25 peratus kelulusan. Dari 51 orang chalun yang di-kemukakan-nya, sa-ramai 42 orang lulus — 10 orang mendapat Bahagian I, 19 mendapat Bahagian II dan 13 mendapat Bahagian III.

Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar yang mengemukakan 39 orang chalun telah jatuh tempat ketiga dengan 76.92 peratus yang lulus. Dari jumlah itu 30 orang telah lulus — empat orang mendapat Bahagian I, 11 mendapat Bahagian II dan 15 mendapat Bahagian III.

Tempat ke-empat jatuh kepada Sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakam, Bunut dengan 64.44 peratus yang lulus. Dari 45 orang chalun yang di-kemukakan-nya, sa-ramai 29 orang telah lulus — tiga orang men-

dapat Bahagian I, 13 mendapat Bahagian II dan 13 mendapat Bahagian III.

Ini di-ikuti oleh Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dengan 59.68 peratus. Sa-ramai 37 orang chalun dari 62 orang yang menduduki peperiksaan tersebut telah lulus ia-itu enam orang mendapat Bahagian I, 16 mendapat Bahagian II dan 15 mendapat Bahagian III.

Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria jatuh di-tempat ke-enam dengan 55.10 peratus. Dari 49 orang chalun, 27 orang telah lulus — tiga orang mendapat Bahagian I, sembilan mendapat Bahagian II dan 15 mendapat Bahagian III.

Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong mendapat 50.42 peratus kelulusan dan Sekolah Menengah Melayu SMJA mendapat 38.89 peratus kelulusan.

Dalam peperiksaan Brunei Junior Certificate of Education pula, Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan mengatasi 15 buah Sekolah Inggeris Kerajaan, Misi dan China di-seluruh negeri dengan mendapat 79.17 peratus lulus. Dari 24 orang yang menduduki peperiksaan itu, 19 orang telah lulus — 14 mendapat Division I dan lima mendapat Division II.

Tempat kedua jatuh kepada Sekolah St Andrews, Bandar Seri Begawan de-

Lihat muka 16

Dari jumlah yang lulus itu sa-ramai 513 orang mendapat Division I ia-itu bersamaan 17.41 peratus; 497 mendapat Division II bersamaan 16.87 peratus dan 46 mendapat Division III bersamaan dengan 1.56 peratus.

Sementara itu, dari sa-ramai 286 chalun Kelas2 Dewasa dan Persendirian yang menduduki peperiksaan yang sama, hanya 57 orang sahaja yang lulus ia-itu bersamaan dengan 19.93 peratus.

Dari jumlah yang lulus itu, sa-ramai sembilan orang mendapat Division I; 37 mendapat Division II dan 11 mendapat Division III.

Dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei pula, sa-ramai 364 orang dari 691 orang chalun yang menduduki peperiksaan tersebut telah lulus. Peratus lulus itu ada-lah bersamaan dengan 52.68.

Dari jumlah yang lulus itu, sa-ramai 46 orang chalun mendapat Bahagian I; 128 mendapat Bahagian II dan 190 mendapat Bahagian III.

Jumlah chalun persendirian yang lulus dalam peperiksaan yang sama ia-lah sa-ramai 63 orang dari 123 orang chalun yang menduduki-nya. Sa-ramai 11 mendapat Bahagian II dan 52 mendapat Bahagian III. Peratus lulus bersamaan dengan 51.22 peratus.

Buku Laporan Tahunan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Buku Laporan Tahunan 1973 sekarang boleh di-dapati dari Bahagian Penerangan, Setia Usaha Kerajaan dengan harga \$14.00 sa-naskah.



Pegawai AMDB di-korniakan gelaran Pehin Manteri

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan mengorniakan gelaran Pehin Manteri kepada sa-orang Pegawai dari pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Dalam satu Istiadat yang berlangsung petang semalam, Baginda telah mengorniakan gelaran Yang Dimuliakan Pehin Datu Pe-

kerma Bijaya kepada Major Hussain bin Haji Sulaiman.

Istiadat yang berlangsung dengan penuh adat istiadat itu telah di-saksikan oleh pembesar2 negara.

Sementara itu, Istiadat Mengagui bagi Major Haji Abdul Aziz bin Abdullah telah di-langsungkan pada hari Khamis minggu lalu.

Istiadat tersebut ada-lah sa-bagai persediaan bagi pengorniakan gelaran Pehin Manteri kepada Major Haji Abdul Aziz yang akan berlangsung pada hari Sabtu 4hb Februari ini.

PERLAWANAN akhir Liga Bolasepak Brunei yang pertama telah di-langsungkan di-Padang Jalan Gadong pada hari Ahad lalu. Dalam perlawanan yang di-saksikan oleh beribu2 orang peminat bolasepak itu, pasukan Persatuan Bolasepak Indera telah mengalahkan pasukan Muara United dengan 2 gol berbalas 1.

Pasukan Indera telah berjaya menyimpan piala rebutan yang di-hadiahkan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Datu Setia Awang Haji Hussin.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dengan sukachita-nya telah menyampaikan hadiah2 di-akhir perlawanan tersebut.

Gambar atas kelihatan Yang Amat Mulia sedang menyampaikan piala rebutan kepada Yang Dipertua Persatuan Bolasepak Indera, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin.

Penchalunan bagi Ketua2 Kampong

TUTONG.—Dua pemilihan chalun Ketua Kampong akan di-langsungkan di-Daerah Tutong dalam bulan ini.

Pemilihan chalun Ketua Kampong bagi Kampong Bukit Beruang akan di-adakan di-Sekolah Melayu Pengiran Kesuma Negara pada hari Jumaat 3hb Februari sementara pemilihan chalun Ketua Kampong bagi Kampong Bakiau akan di-langsungkan di-Dewan Sekolah Melayu Bakiau pada hari Jumaat 10hb Februari, 1978. Kedua2 majlis penchalunan itu akan di-

mulakan jam 9.00 pagi.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Yahya bin Haji Haris meminta pendudukan di-kampong2 yang berkenaan yang berumur 21 tahun ka-atas supaya hadir pada tarikh dan tempat2 yang di-tetapkan itu.

Menurut beliau bahawa orang2 yang akan di-chalunkan bagi jawatan Ketua Kampong mesti-lah memenohi shariat2 seperti berikut:

(a) Chalun2 hendak-lah bermastautin dalam kam-

pong2 tersebut sekurang2-nya tiga tahun dan sa-telah di-lantek, ia mesti-lah bermastautin sa-chara tetap dalam kampong tersebut.

(b) Chalun sekurang2-nya mempunyai kelulusan Darjah IV Sekolah Melayu.

(c) Chalun2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 30 tahun.

(d) Chalun2 mesti-lah bukan Pegawai Kerajaan, kakitangan shariat atau Badan Perniagaan.

Borang2 pendaftaran sa-bagai chalun sekarang boleh di-dapati dari Pejabat Daerah Tutong.



Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

1HB FEBRUARI, 1978.

Membuboh tanda-harga

BAHAWASA-NYA Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, melalui jabatan yang bertanggung-jawab telah memberi arahan kepada peniaga2, pekedai2 baik di-bandar mahu pun di-kampung2 supaya memberikan kerjasama membuboh tanda harga barang2 keperluan seperti bawang, lada kering, susu, tepung dan lain2 lagi barang2 makanan dalam tin; untuk menyenangkan kepada orang ramai atau pembeli2-nya.

Membuboh tanda-harga barang2 keperluan di-tempat barang2 itu bukan sahaja menyenangkan kepada pembeli2 dan pekedai2 itu sendiri akan tetapi ia-nya juga merupakan suatu amalan yang baik di-samping mematuhi arahan dari Kerajaan. Dan pehak Kerajaan pula tidak teragak2 untuk mendakwa peniaga2 atau pekedai2 yang tidak mematuhi arahan tersebut. Sa-panjang tahun 1977 yang lalu sa-ramai enam orang pekedai2 telah di-hadapkan ka-Mahkamah atas dakwaan yang sama dan di-dapati bersalah serta masing2 di-denda. Denda ini pula merupakan amaran kepada pekedai2 yang terlibat khas-nya dan pekedai2 lain pada 'am-nya supaya mematuhi arahan Kerajaan — dan jika arahan di-maksudkan tidak di-ambil indah maka tindakan yang lebih berkesan dan tegas akan di-ambil terhadap pekedai2 yang engkar mematuhi arahan tersebut.

Melalui akhbar ini juga pada tiap2 keluaran kita ada menchatetkan beberapa jenis harga barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih rendah yang boleh di-dapati di-kedai2 di-Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan di-Seria, semata2 untuk panduan dan kesenangan kepada orang ramai yang berhajat untuk membeli barang2 keperluan itu.


Pengawalan harga barang2 keperluan itu bukan bermakna yang barang2 keperluan itu boleh menurun dan sa-umpama-nya, lebih2 lagi pada setengah2-nya harga itu di-datangkan dari luar negeri tentu sekali harga-nya menurut keadaan — ada lebih baik harga barang2 itu di-kawal dari ia-nya di-biarkan menurut sesuka hati pekedai2. Dari sebab itu kerjasama orang ramai amat-lah di-perlukan untuk sama2 mengawasi atau memberikan maklumat kepada pehak2 yang berkenaan terhadap harga2 dan mana2 pekedai yang gagal membuboh atau menulis tanda-harga bagi barang2 keperluan sa-hari2 yang di-jual di-kedai mereka itu untuk kebaikan kita bersama.

Tamat latehan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Upacara perbarisan bagi 41 orang rekrut Askar Melayu Diraja Brunei bagi pengambilan yang ke-43 telah di-langsungkan di-Bolkiah Kem pada hari Jumaat minggu lalu. Perbarisan tersebut ada-lah sa-bagai menandakan tamat-nya latehan yang mereka jalani sa-lama 25 minggu di-Pusat Latehan Askar Melayu Diraja di-Bolkiah Kem.

Timbalan Pmerintah AMDB, Lt. Col. Dato Seri Jasa C. J. Lee telah mendapat penghormatan untuk menerima tabek dan memereksa barisan kehormatan di-upachara tersebut.

Rekrut Terbaik Keseluruhan ia-lah Rek. 6048 Zulhizam bin Abdullah; Penembak M16 Terbaik ia-lah Rek 6038 Daud bin Aspar; Penembak HK13 Terbaik ia-lah 6080 Jamil bin Omar; Latehan Jasmani Terbaik ia-lah Rek 6085 Mat Layan bin Mattasan



Gambar atas menunjukkan Lt. Col. Dato Seri Jasa C. J. Lee sedang memereksa barisan rekrut2 di-upachara Perbarisan Tamat Latehan pada hari Jumaat lalu.

DALAM siri yang lalu kita telah menyinkap sa-chara ringkas mengenai kedudukan dan kemajuan negara kita Brunei Darussalam dan juga hal2 pemerintahan-nya. Dalam siri ini kita meninjau pula sa-chara ringkas dalam hal2 pentadbiran-nya.

Negeri Brunei menjalankan teraju pemerintahan-nya berdasarkan kehendak2 Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Dari Perlembagaan itu tadi maka terbentuklah beberapa Majlis Mashuarat dan dengan melalui Majlis2 itu ia berjalan dengan teratur dan pesat sekali.

Majlis2 Mashuarat itu ia-lah Majlis Mashuarat Negeri, Majlis Mashuarat Menteri2 dan Majlis Mashuarat Diraja.

Majlis Mashuarat Negeri mempunyai 20 orang ahli dan sa-orang Speaker (Yang Dipertua Dewan). Ahli2 itu ada-lah terdiri dari lima orang Ahli Rasmi Kerajaan Jawatan; lima orang Ahli Rasmi dan 10 orang Ahli Yang Di-lantek.

Majlis ini bersidang sekurang2-nya sekali sa-tahun seperti yang di-sharatkan dalam Bab 52 (1) dari Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

Tugas2 Majlis Mashuarat Negeri ini ia-lah untuk menasehatkan Kerajaan terutama sekali mengenai Undang2 kerana keamanan, kesentosaan dan kebaikan negeri seperti yang terchatet dalam Bab (1) dari Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Ini termasuk juga untuk meluluskan Anggaran Belanjawan Tahunan, Anggaran Peruntukan Kemajuan dan usol2 yang dikemukakan oleh Ahli2 Majlis tersebut.

Majlis Mashuarat Menteri pula mempunyai 11 orang ahli dengan di-Pengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei selaku Ketua Negara. Ahli2 itu termasuk Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Laila Utama Awang Isa; enam orang Ahli Rasmi Kerajaan Jawatan dan empat orang Ahli Yang Di-lantek.

Persidangan Majlis Mashuarat Menteri2 ini tidak pula di-tetapkan, tetapi ia-nya boleh bermashuarat dengan titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau jika Jemaah Pemangku Raja telah di-lantek, dengan perintah Pemangku Raja Lelaki Yang Kanan, seperti yang di-sharatkan dalam Bab 16(1) dari Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

Perkara2 yang di-mashuaratkan oleh Majlis ini ia-lah seperti yang di-sharatkan dalam Bab 18(1) dari Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Ini termasuklah chara2 membuat dasar, mengkaji Rang Undang2 yang akan di-hadapkan kepada Persidangan Majlis Mashuarat Negeri; meluluskan peratoran2 dan perkara2 atau pun projek2 yang akan di-buat oleh Kerajaan.

Majlis Mashuarat Diraja juga di-pengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Majlis Mashuarat ini mempunyai ahli2 yang terdiri dari YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; tiga orang Ahli Kerajaan Jawatan dan 34 orang Ahli Yang Di-lantek yang terdiri dari Pengiran2 Cheteria, Pehin2 Manteri dan Pehin2.

Persidangan Majlis Mashuarat Diraja ini juga tidak di-tentukan, tetapi ia-nya boleh dipanggil bermashuarat dengan kebenaran Sultan atau jika Jemaah Pemangku Raja telah di-lantek, oleh Pemangku Raja Lelaki Yang Kanan atau jika Sultan tiada di-dalam negeri dan Jemaah Pemangku Raja tidak di-lantek, oleh Wazir

DARI BILEK GERAKAN

SIRI KEDUA

Yang Kanan seperti yang di-sharatkan dalam Bab 7 (1) dari Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

Perkara2 yang di-mashuaratkan oleh Majlis Mashuarat Diraja ini ada-lah seperti yang di-sharatkan dalam Bab 6 (1) dari Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Ini termasuklah chara2 membuat dasar mengkaji Rang Undang2 yang akan di-hadapkan ka-Persidangan Majlis Mashuarat Negeri serta meluluskan peratoran2 dan perkara2 atau pun projek2 yang akan di-buat oleh Kerajaan.

Majlis ini juga meluluskan penukaran Sharat2 Khas Tanah, menghapuskan dari Kira2 perkakas2 kepunyaan Kerajaan, meluluskan penchen2 dan baksis Pegawai2 Kerajaan dan lain2 lagi.

Dari tiga jenis permashuaratan itu tadi, maka kita telah melihat sa-chara realistik bahawa pemerintahan ini telah berkembang maju dari sa-masa ka-

semasa di-bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Dengan kebijaksanaan Baginda menjalankan pentadbiran dengan adil dan saksama, rayat Baginda hidup di-bawah lindungan kemakmoran dan harmoni aman tenteram damai sa-lama2-nya. Dengan berdasarkan amalan Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Kerajaan Kebawah DYMM telah dapat menyelaraskan kemajuan negeri ini dengan pesat-nya dan seluruh rayat telah dapat sama2 menikmati usaha2 Kerajaan Baginda itu.

Di-samping mempunyai Majlis2 Mashuarat, Kerajaan DYMM juga telah mempunyai sa-orang Menteri Besar dan Setia Usaha Kerajaan yang chekap lagi dedikasi dalam menjalankan tugas2 sa-bagai Ketua Pentadbiran dalam mengemudikan Jabatan2 Kerajaan.

Dalam siri ini kita tidak-lah akan menghuraikan lebih luas lagi mengenai dengan tanggung-jawab Menteri Besar dan Setia Usaha Kerajaan, kerana hal itu telah di-ketahui dan di-maklumi oleh seluruh rayat di-negeri ini.

Harga barang2

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 bersama dengan harga runchit yang telah di-perse-tujui oleh Pengawal Harga bagi panduan orang ramai seperti berikut:—

JENIS BARANG2	HARGA RUNCHIT
NESCAFE :	
(a) Nescafe CTI	— 50 gms. \$ 3.40 sa-botol
	— 100 gms. \$ 6.50 " "
	— 250 gms. \$ 15.10 " "
	— 500 gms. \$ 28.70 " "
(b) Nescafe Gold Blend	— 100 gms. \$ 9.70 " "
(c) Nescafe Blend '37'	— 100 gms. \$ 8.70 " "
OVALTINE :	
(a) Malt Ovaltine (OM)	— 250 gms. \$ 2.15 sa-tin
	— 500 gms. \$ 4.05 " "
	— 1.5 kg. \$ 10.70 " "
(b) Ovaltine With Honey (OH)	— 500 gms. \$ 4.05 sa-tin
	— 1 kg. \$ 7.70 " "
HORLICKS :	
Horlicks	— 200 gms. \$ 1.65 sa-botol
	— 400 gms. \$ 3.30 " "
	— 1,200 gms. \$ 9.60 " "
	— 2,000 gms. \$ 15.40 " "
MILO :	
Milo	— 13 gms. 15 sen sa-bungkus
	— 250 gms. \$ 2.15 sa-tin
	— 500 gms. \$ 4.05 " "
	— 1.5 kg. \$ 10.70 " "
BOH TEA :	
Boh Tea	— 1 lb. \$ 4.20
	— 1/2 lb. \$ 2.15
	— 1 lb. \$ 1.10
	— 2 ozs. 55 sen
	— 1 oz. 30 sen
	— 500 gms. \$ 4.70
	— 250 gms. \$ 2.40
	— 100 gms. \$ 1.05
	— 50 gms. 55 sen
Dumex Instant Full Cream Milk Powder	— 500 gms. \$ 3.80 sa-tin
	— 1 kilo \$ 7.15 " "
	— 2 kilo \$ 13.10 " "
Susu Tepong S 26	— 500 gms. \$ 7.30 " "
Nespray Instant	— 400 gms. \$ 3.10 " "
	— 500 gms. \$ 3.85 " "
Taikoo Icing Sugar	— 1 lb. \$ 1.45
Taikoo Cube Sugar	— 1 lb. \$ 1.45
Taikoo Caster Sugar	— 1 lb. \$ 1.30
COOKING OIL :	
(a) Tiger Cooking Oil	— 2 kgs. \$ 7.15 sa-tin
	— 3 kgs. \$ 10.80 " "
	— 5 kgs. \$ 16.50 " "
	— 17 kgs. \$ 49.00 " "
	— 4 katis \$ 7.95 " "
	— 6 lbs. \$ 8.95 " "
	— 8 katis \$ 15.20 " "
	— 28 katis \$ 48.20 " "
(b) Six Crown Cooking Oil	— 2 kgs. \$ 7.15 " "
	— 3 kgs. \$ 10.80 " "
	— 5 kgs. \$ 16.50 " "
	— 17 kgs. \$ 49.00 " "
(c) Flora Cooking Oil	— 3 kgs. \$ 15.40 " "



DARI DEWAN MAJLIS

UNDANG2 BUROH BERI PERLINDONGAN NASIB BUROH2 TEMPATAN

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, ketika memberikan sokongan-nya ka-atas Rang Undang2 Buroh (Pindaan) 1977; menyatakan bahawa dengan ada-nya Rang Undang2 tersebut ada-lah jelas ia-nya akan dapat memberikan perlindungan yang sepih-nya ka-atas nasib buroh2 tempatan yang ada di-negeri ini di-samping memudahkan lagi pehak Kerajaan sentiasa menjaga kepentingan buroh2 tempatan itu sendiri.

Mengenai denda yang sedia di-kenakan oleh undang2 itu, Yang Berhormat itu berkata, ini dengan sendirinya akan menyedarkan supaya buroh yang terlibat melakukan kesalahan menerima denda dan betapa nilai denda yang akan mereka bayar terhadap kesalahan yang di-lakukannya itu, ada-lah lebih besar dari kesalahan yang mereka lakukan.

Mengenai chadangan oleh salah sa-orang ahli yang dilantik, supaya buroh2 tempatan di-negeri ini akan diberikan lathen kemahiran di-bidang2 pekerjaan yang bersesuaian, Yang Berhormat Pehin O.K. Amar Diraja itu menyatakan bahawa perkara tersebut sangat-lah baik; namun demikian usaha ka-arrah mengadakan lathen2 yang di-maksudkan telah pun mendapat perhatian Kerajaan, di-mana ketika ini banyak penuntut2 kita di-peringkat tinggi sudah pun

mengikuti beberapa kursus kemahiran yang tertentu di-seberang laut, untuk mereka itu mengambil bahagian yang chergas dan bersesuaian dalam bidang buroh2 tempatan.

"Begitu juga ketika ini Kerajaan telah pun mengadakan beberapa lathen yang bersesuaian kepada penuntut2 dalam negeri, seperti lathen2 di-beberapa buah sekolah lathen teknik di-negeri ini, menurut taraf kebolehan penuntut2 itu," ujar-nya.

PAMPASAN PEKERJA

Kemajuan sa-sebuah negeri itu, ada-lah letak-nya kepada pekerja2 yang mengerjakan-nya dan sa-bahagian besar pekerja2 itu ialah majikan2. Pehak majikan pula ada-lah berkecenderungan keutungan yang boleh di-kerjakan oleh pekerja2-nya. Sebab itu-lah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, mengadakan satu undang2 untuk meminda Undang2



Y. B. Pehin O.K. Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.

Pampasan Pekerja (Pindaan), 1977, untuk melindungi buroh2 yang bekerja itu supaya mendapat keutungan bersama, sa-bagai membayar jasa yang telah mereka kerjakan.

Ini telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja ketika menyekutukan diri pada menyokong usul Undang2 Pampasan Pekerja, yang telah di-chadangkan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara.

Menurut Yang Berhormat Pehin O.K. Amar Diraja lagi, dengan ada-nya undang2 yang telah di-bentangkan dan di-sokong itu, sudah nyata-lah tanggungjawab Kerajaan kepada pekerja2 yang turut memberikan jasa kepada negeri ini, sa-timpa dengan jasa2

yang telah mereka berikan itu.

Undang2 tersebut itu juga merupakan satu ikhtiar supaya buroh2 itu merasakan diri mereka tidak ham-pa, melainkan ada tempat pergantungan hidup-nya, jikalau mereka mahu meneruskan jasa2-nya kepada satu2 kerja itu untuk kepentingan bangsa dan negara.

Menjelaskan hujjah2-nya dalam perkara Undang2 Pampasan Pekerja itu, Yang Berhormat petikan Sha'er Rakis yang berbunyi:

*Wahai chuchunda malai suntingan,
Sadang bergurau malam siangan;
Chari fikiran dengan run-dingan,
Ninda memandang sa-yang2an.*

Kerajaan mengambil berat pentadbiran ejen2 pelanchongan

RANG Undang2 Wakil2 Pelanchongan, 1977 itu tidak dapat di-sangkal kepentingan-nya kepada negeri kita ketika ini. Rang Undang2 itu juga ada-lah bertujuan untuk mengotai urusan2 perniagaan yang berhubung dengan kerja2 ejen pelanchongan.

Dalam kandungan Bab 6 cheraian (1) mensyaratkan tiada siapa pun boleh menjalankan ejen pelanchongan, melainkan ia-nya memegang sa-suatu lesen yang telah di-berikan kapada-nya oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Negeri Brunei.

Ini telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin ketika menyokong Rang Undang2 Pelanchongan, yang mana undang2 tersebut telah di-luluskan dengan sebulat suara oleh Ahli2 Dewan sa-telah membentulkan maksud, ayat serta perkataan2 yang terkandung dalam rang undang2 itu.

Menurut Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan ada-lah sangat mengambil berat akan pentadbiran wakil2 perjalanan, kerana itu, dalam undang2 itu di-sediakan shariat2 yang mana Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, akan menolak permohonan untuk mendapatkan lesen, yang terkandung dalam Bab 7 cheraian (3) di-mana bakti2 keterangan yang memuaskan mengenai dengan nama baik dan peribadi pemohon ada-lah di-kehendaki.

Bagi shariat2 pula, ada-lah di-tekanakan bahawa-nya ahli2 yang bertanggung-jawab di-shariat2 itu bukan-lah orang2 yang telah di-dapati thabit kesalahan, dalam melakukan apa juga kesalahan yang melibatkan penipuan atau kekejian ahlak. Shariat2 seperti ini amat penting bagi pehak Kerajaan untuk mengawal dan mengawasi wang orang ramai, ada-lah selamat dan supaya sa-seorang untuk keluar negeri ada-lah sampai dan berjalan dengan terot, jelas Yang Berhormat itu.

Kerana itu nama baik dan peribadi sa-seorang itu ada-lah di-tekanakan sa-belum lesen2 atau kebenaran di-berikan dan pengurus2 shariat berkenaan akan di-teliti rekod2 peribadi mereka, tambah-nya lagi.

Menurut Yang Berhormat itu, bahawa shariat2 yang terkandung dalam Undang2 Ejen Pelanchongan, 1977 itu ada-lah menggambarkan akan usaha2 Kerajaan bagi menentukan bahawa wakil2 pelanchongan atau perjalanan akan

dapat berjalan dengan sempurna dan orang ramai akan dapat di-lindungi dengan se-baik2-nya.

PERLINDONGAN BINATANG2 LIAR

Menyentuh dengan Rang Undang2 Perlindungan Binatang2 Liar, 1977, Yang Berhormat Pehin O.K. Ratna Di-



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg Haji Mohd. Zain.

raja berpendapat bahawa rang undang2 tersebut ada-lah bertujuan untuk mengadakan kawalan2 yang semporna terhadap binatang2 liar di-negeri ini yang mana binatang2 itu perlu di-beri perlindungan sabagai harta kekayaan kita sendiri.

Kita perlu melindungi binatang2 dan burung2 yang terkandung dalam undang2 itu memandang beberapa pengkajian seperti yang terdapat di-negeri India ketika ini, di-mana ada-nya kekurangan bilangan2 kera dan harimau belang, hingga ka-peringkat yang menchemaskan dan menurut pengkajian di-Amerika Shariat, burung belang yang menjadi lambang negara itu telah hampir hapus, jelas-nya.

Kerana itu, tambah Yang Berhormat itu lagi, kita mengharap undang2 ini ia-lah untuk menyelamatkan binatang2 dan burung2 yang terkandung di-dalam-nya, dari di-hapuskan kerana pembunohan, pembunuhan dan penghantaran keluar negeri. Sebab semua-nya ini merupakan kekayaan negara kita, di-mana kekayaan tersebut ada-lah sangat mustahak di-beri perlindungan dari sebarang ancaman yang berbagai rupa.

Yang Berhormat itu berharap di-samping ada-nya Undang2 Perlindungan Binatang2 Liar itu supaya sa-bahagian besar hutan belantara di-negeri kita ini akan terus di-pelihara supaya nasib megastua yang menjadi penghuni hutan belantara itu tadi tidak akan terbiar, bahkan sentiasa di-lindungi sa-bagai sa-bahagian dari hak kita.

Kita perlukan pekerja2 berkemahiran

YANG Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish menyatakan bahawa tidak-lah dapat di-nafikan untuk mengendalikan kerja2 pembangunan di-negeri kita pada masa ini, negara kita terpaksa mendatangkan buroh2 dari luar negeri terutama mereka yang benar2 terlatih dan berkemahiran dalam sesuatu pekerjaan, seperti juga negara2 di-Timor Tengah yang dalam perkembangan pada masa ini, biar pun Kerajaan mereka menekankan pelajaran universiti untuk mengeluarkan jurutera2, tetapi mereka maseh banyak mendatangkan pekerja2 yang mahir dan berpengalaman dari luar negeri.

Kita perlu-lah bershukur kerana negara kita dengan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada masa ini telah mengusaha-kan beberapa buah sekolah lathen teknikal untuk mengatasi kekurangan yang di-nyatakan. Dalam masa yang singkat ini tempat2 yang di-penuhi oleh buroh2 luar negeri itu akan dapat di-ambil alih oleh anak negeri kita sendiri.

Berkenaan dengan chadangan untuk menjadikan Sungai Kebun sa-bagai sa-

buah bandar yang kedua dari Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat itu menjelaskan perkara tersebut mungkin akan terjadi dengan izin Allah, memandangkan perkara yang kita hadapi ketika ini berbubong dengan kesesakan lalu-lintas yang ada. Ura2 untuk membangun sa-buah jambatan menyeberangi Sungai Brunei bagi mengurangkan kesesakan itu, besar kemungkinan chadang-



Y.B. Dato Seri Laila Jasa Awg Haji Talib bin Derwish.

an tersebut akan dapat di-pertimbangkan.

Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Haji Talib, seterusnya memberikan jaminan bahawa Kerajaan

bukan-lah tidak mengambil perhatian untuk mengadakan pembinaan jalan2 raya di-pendalaman, akan tetapi pembinaan-nya ada-lah terletak ka-atas keutamaan.

Mengenai pengeluaran hasil padi di-negeri ini, Yang

Berhormat itu menjelaskan bahawa Kerajaan sememangnya mengambil perhatian dalam perkara itu untuk mengadakan jela-pang padi yang besar2 sabagai memberikan hasil pendapatan yang lumayan bagi rakyat di-negeri ini.

Jabatan kebajikan, Belia dan Sokan dapat sambutan

BEBERAPA orang Ahli Dewan yang di-lantik (bukan kerana jawatan) menimbulkan keinginan mereka supaya tambahan bagi peruntukan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan pada tahun ini di-berikan memandang kepada beberapa kemajuan yang telah di-chapai oleh jabatan tersebut.

Ini menurut mereka itu termasuk-lah kemajuan yang telah di-chapai oleh jabatan tersebut dari segi penyertaan ahli2 sokan negara kita di-beberapa perlawanan sokan antarabangsa.

Pembinaan Stadium dan jurulath sokan juga telah di-timbulkan demi mem-

satkan lagi kemajuan sokan di-negeri ini.

Menjawab hujjah2 yang telah di-timbulkan dalam soal-jawab berhubung dengan tajok 45, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, menjelaskan bahawa dalam rancangan pelajaran yang baharu, ketika ini satu usaha pada melath sa-tiap orang kanak2 mengikut kecenderungan sokan masing2 dan mereka yang berjaya di-dalam lathen awal itu, apabila besar kelak akan di-serahkan kepada Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan untuk lathen lanjut.

Arabic / RIAD school is top

BANDAR SERI BEGAWAN. — A total of 1056 out of 2946 candidates or 35.8 per cent passed the Brunei Junior Certificate of Education in the English medium, while in the Malay medium 364 out of 691 candidates or 52.68 per cent were successful.

The candidates were from twenty-four government and non-government schools throughout the State.

Of the 1056 candidates who passed in the English medium, 513 or 17.41 per cent acquired Grade One, 497 or 16.87 per cent Grade Two and 46 or 1.56 Grade Three while in the Malay medium they were 46 or 6.66 per cent, 128 or 18.52 and 190 or 27.50 per cent respectively.

In term of percentage, Chung Hwa Middle School topped the list of the English medium schools when 19 out of 24 candidates or 79.17 per cent passed the exam.

In the Malay medium, the Hassanal Bolkiah Secondary Arabic Boys School / Raja Isteri Anak Damit Secondary Religious Girls School topped the list of passes when all twenty candidates were successful with 11 getting Grade One, 5 Grade Two and 4 Grade Three.

There were a total of

409 adult education and private candidates who sat for the examination.

Fifty-seven out of 286 candidates or 19.93 per cent managed to pass the exam in the English medium and 63 out of 123 candidates or 51.22 per cent passed in the Malay medium.

Giant platform nearing completion

KUALA BELAIT. — The largest ever oil drilling platform to be built in Brunei is now nearing the final stages of completion at Brunei Shell's marine construction yard here.

The platform costing some seven million dollars is six hundred tons heavier than any other platform presently in use.

The jacket fourth and final panel had been raised last week and was being fixed to the rest of the frame.

It is hoped that by next month the jacket will be towed to the Fairley offshore field, where further installations will take place.

By August, if all goes according to plan, the platform will begin drilling new oil and gas wells.

English language course for teachers

BERAKAS. — Twelve teachers from schools in Brunei/Muara District are currently taking a 20-week English language course at the English Language Project Centre here aimed at making them better tutors of the language.

The course was declared open last week by the Head of the Planning Research and Guidance Unit, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

A similar course for teachers in Belait District started yesterday and one for those in Tutong District will commence on Saturday next week.

Meanwhile a headmasters course will be held at the English Language Project Centre from the middle of this month.



The General Adviser to His Highness the Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa (at left) during his visit to the Customs/Immigration Post on the Kuala Belait/Miri road recently.

Also in the picture are the Controller of Customs and Excise, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz (third from left), the Controller of Immigration and Registrar of Nationals, Awang Haji Mohammad Ali bin Haji Mohammad Daud (fifth from left) and the Belait District Officer, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar.

The other senior government officers, not in the picture, who accompanied him were Senior Administrative Officer, Awang Haji Zakaria bin Dato Maha Wangsa Haji Sulaiman and the OCPD Belait, Dato Paduka Awang Mustapha bin Ahmad.

The General Adviser made the visit to see officers from Immigration, Customs, Security and Health departments at work and the various modern facilities being provided for the officers posted there, including twelve-unit quarters, one-block flat, a police post and offices.

A close-up view of the soy bean ready for harvesting after eight to ten weeks.

The Assistant Agricultural Officer attached to the Pathology Section, Awang Kassim bin Ahmad, making a routine check on the soy bean farm at the Birau Agricultural Station in the Tutong District about eighteen miles from Bandar Seri Begawan.

This is one type of the culinary beans which has been

found to be thriving well in Brunei and the Department of Agriculture is trying to encourage farmers to grow.

These beans contain about forty per cent protein thus providing cheap source of vital dietary requirement especially for those in the interior where meat and fish are costly and hard to get.



Asut bin Pungut of Brunei (left) giving his Sabah opponent Duyok K. K. Tahir a tough time during their bout in the friendly boxing tournament between Sabah and Brunei held at the Youth Centre here on December 21.

Asut won the fight. Brunei was overall victors of the nine-match tournament winning five bouts to Sabah's four.




The Agricultural Assistant Awang Sulaiman bin Metamit (wearing dark glasses) and a colleague showing a group of ladies from Kampong Lamunin the high yielding paddy at the Birau Agricultural Station.

The visitors were also taken around to other parts of the station including the various fruit orchards and vegetable farm.



UGAMA Islam ada-lah ugama Allah yang lengkap dengan segala peratoran2 hidup undang2 kemanusiaan yang semata2 bagi kesentosaan hidup manusia itu sendiri. Al-Kor'an sa-bagai mithalan ada-lah kitab Allah yang lengkap membicarakan perihal kehidupan yang telah lalu sa-bagai sejarah untuk di-renong, dan membicarakan hal chwal yang akan datang sa-bagai bahan untuk di-analisa semata2 demi memperkokohkan takwa dan keimanan terhadap Allah s.w.t.



KHUTBAH JUMAAT

KITA hidup di-muka bumi ini perlu-lah mengamalkan dan memelihara sifat2 peribadi yang terpuji dan mulia. Umpamanya bersifat benar, ikhlas, berimbang rasa, hormat menghormati antara sa-sama manusia, belas kasehan, amanah dan lain2. Sifat2 yang tersebut itu biar-lah menjadi prinsip hidup kita yang sentiasa bersemadi dan tumbuh subur pada sa-tiap orang. Kerana pada sifat2 itu-lah letak-nya harga diri sa-seorang manusia itu. Dalam pada itu sifat2 yang tidak bisa, seperti sombong, takbor, khianat, pembohong dan sa-bagai-nya, sa-daya upaya elakkan-lah diri dari melakukan dan menghampiri-nya.

Berhubung dengan masaalah ini Rasulullah s.a.w. pernah menegaskan dalam sa-buah hadith-nya yang bermaksud kira2:

"Sesungguhnya aku di-utus semata2 bagi menyempurnakan akhlak dan peribadi yang mulia."

Maka jelas-lah oleh kita, ugama Islam yang di-bawa Nabi Muhammad s.a.w. itu mengutamakan prinsip2 akhlak dan keperibadian yang sempurna. Dan untuk menyempurnakan akhlak dan peribadi yang tinggi itu, umat Islam hendak-lah mengamalkan sifat2 yang terpuji dan membiasakan berperangai bisa yang sangat di-sukai oleh mashara-

Dalam hal kehidupan manusia di-alam ini, penyelewengan atau pelanggaran terhadap undang2 dan peratoran Allah ada-lah merupakan satu perkara yang sering berlaku, samada sa-chara di-sedari atau sebalik-nya. Maka diantara faktor2 utama yang menyebabkan penyelewengan terhadap undang2 dan peratoran Allah tadi ialah:

1. Manusia sering lupa untuk memikirkan kehidupan sa-mula sa-lepas mati bila mana seluruh manusia akan di-kumpul untuk di-hakimkan segala perbuatan mereka di-dunia di-hadapan Allah s.w.t., hanya yang sentiasa bergelut dalam otak dan fikiran mereka ialah kehidupan di-dunia sa-

haja yang sudah tentu di-penohi oleh fikiran2 kebendaan semata2.

2. Faktor yang kedua ialah kebendaan dan hawa nafsu di-mana sa-tengah2 golongan tergamak untuk mencherobohi peratoran2 Allah asalkan dapat berjaya memenohi kehendak hawa nafsu-nya. Dalam perkara yang disebutkan ini, ia tidak-lah memilih samada orang yang jahil atau yang berilmu. Oleh sebab seringkali terdapat orang2 yang berilmu yang telah terjejas keimanan mereka kerana akibat kekuatan terek-an hawa nafsu yang tidak dapat di-bendung atau di-hindari. Mereka ini adal-ah ternyata golongan yang

KEBAHAGIAAN DI-DUNIA HANYA PINJAMAN SEMENTARA DARIPADA ALLAH s.w.t.

gagal dalam menempoh ujian2 Allah.

3. Kesombongan dan rasa tinggi diri di-sebabkan oleh sesuatu kelebihan yang ada pada-nya ada-lah merupakan faktor yang boleh memusnahkan kehidupan sa-seorang. Mereka yang bersifat sedemikian ini akan memandang rendah kepada orang lain tetapi sebalik-nya mendabek dada membanggakan kelebihan yang di-miliki-nya, sedangkan pada hakikat-nya kelebihan yang di-miliki itu walau apa pun bentuk-

nya ada-lah semata2 pinjaman yang tidak kekal dari Allah s.w.t.

Akibat2 dari penyelewengan dan mengkhianati kepada undang2 dan peratoran2 Allah telah banyak kita saksikan dan kita dengar, samada dari siaran2 akhbar, radio dan talivishen di-mana beberapa mala petaka telah di-turunkan sa-umpama kebakaran yang memusnahkan jiwa dan harta benda. Kemalangan akibat bah dan banjir, kerosakan yang di-sebabkan oleh ribut dan taufan dan bermacham2 mala petaka yang tidak dapat di-sebutkan di-sini. Mala petaka yang sedemikian itu bukan sahaja kita saksikan di-zaman kemajuan kita di-hari ini, malah ia adal-ah merupakan satu rintihan daripada amaran2 yang pernah di-datangkan oleh Allah kepada umat2 sa-belum Nabi besar kita Muhammad s.a.w. lagi.

Di-dalam Suratul-Fajar Allah telah mencheritakan

betapa Allah telah menu-runkan bala benchana kepada kaum 'Ad, kaum Thamud dan Firaun yang zalim dan degil terhadap kebenaran2 yang di-datangkan oleh Allah. Kaum 'Ad dan kaum Thamud telah di-cheritakan oleh Al-Kor'an sa-bagai masharakat yang angkoh dan engkar mematohi undang2 Allah yang di-bawa oleh Nabi Allah Hud dan Nabi Salleh. Kerana ke-engkaran mereka masharakat2 yang telah memileki tamaddun yang tinggi itu telah di-hanchor-leborkan oleh Allah sa-ba-gaimana yang di-riwayat-kan oleh Al-Kor'an.

Hendak-lah kita patoh kepada ajaran2 Allah. Letakkan-lah segala ajaran2 Allah dan segala peratoran2-Nya di-mata hati kita serta renongkan-lah kembali sejarah lampau tentang kemusnahan dan kehanchoran akibat perbuatan2 mungkar. Semoga dengan itu kita akan menjadi bangsa yang selamat di-dunia dan di-akhirat.

PELIHARA PERIBADI YANG TERPUJI

kat. Dengan yang demikian itu akan terbukti-lah umat Islam itu mengambil tempat yang istimewa atau satu bangsa yang paling baik serta punya imej yang tinggi dan di-hormati. Sa-bagaimana firman Allah s.w.t. dalam Surat Ali-Emran ayat 110 yang bermaksud kira2:

"Kamu ada-lah umat yang paling baik di-lahirkan untuk kepentingan manusia, melarang membuat yang salah, mereka itu yang akan mendapat kejayaan dan keredhaan Allah."

Antara lain jalan2 yang baik dan bisa serta menimbulkan rasa perpaduan dan muhibbah itu, ugama Islam menghidangkan ucapan yang paling mudah dan senang, ia-itu ucapan "salam", seperti "Assalamu alai'kum", apabila berjumpa atau bertemu dengan sa-seorang —tidak kira di-mana, malam atau siang; orang2 atasan memberi salam terhadap orang2 bawahan, ketua terhadap orang yang di-ketuai-nya, orang berkenderaan terhadap orang yang berjalan kaki dan seterusnya.

Kalau di-perhatikan perbuatan memberi salam ini perkara kechil dan senang saja. Tapi di-sebabkan kesenangan dan kekechilan-nya ini-lah membuat umat Islam sering tidak mengamalkan-nya. Pada hal apabila di-kaji, di-samping kesenangan dan kekechilan-nya itu, ia mengandongi beberapa hikmat dan faedah2 yang tersendiri. Antara lain ada-lah seperti yang pernah di-sabdakan oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud lebeh kurang:

"Kamu tidak akan masuk

Bingkisan minggu ini

ka-dalam shorga, sa-hingga kamu telah beriman, dan tidak sempurna iman kamu sa-hingga kamu ada perasaan kaseh sayang, sukakah engkau aku tunjukkan kepada kamu satu perkara apabila kamu lakukan perkara itu neschaya kamu akan berkaseh mesra, perbuatan itu ia-lah memberi salam di-antara kamu".

Memelok ugama Islam

SAUDARA baru Islam bertambah lagi dengan kemasokan Islam dua orang pemuda Tiong Hwa adek beradek yang berasal dari Kampong Labu Estate, Temburong.

Shim Jui Heng, 19 tahun sekarang di-kenali sa-bagai Mohammad Hashim bin Abdullah. Manakala adek-nya Shim Jui Huat, 18 tahun, sa-bagai Hashim bin Abdullah.

Majlis pengIslaman mereka telah berlangsung malam semalam Selasa, 24hb Januari bertempat di-rumah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Mat-serudin sa-orang Pegawai Pembantu Perkembangan Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Terdahulu dari itu bertempat di-rumah Haji Dagang bin Haji Badar, No. 4 Kampong Masin, Brunei, satu lagi majlis pengIslaman bagi satu keluarga Tiong Hwa yang berasal dari Sibu, Sarawak, Malaysia, telah di-langsungkan.

Mereka itu terdiri dari Wong Ing Hui, 27 tahun, yang kini menukar nama-nya di-dalam Islam sa-bagai Mohd Adam bin Abdullah. Manakala isteri-nya Sia Ngik Siew, 28 tahun, memilih nama Islam-nya sa-bagai Siti Hawa bte Abdullah. Sementara dua orang anak mereka pula kini di-kenali sa-bagai Dy Masni bte Mohd Adam dan Rosli bin Mohd Adam masing2 berumur 5 dan 2 tahun.

Majlis pengIslaman mereka itu telah juga di-sempurnakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Mat-serudin sa-orang Pegawai Pembantu Perkembangan Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.



Kelihatan Dayang Siti Hawa bte Abdullah sedang di-akad Islamlkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail. (Gambar JHEU).



Gambar menunjokkan Mohd Adam serta isteri dan anak2-nya di-majlis pengIslaman mereka.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara. Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 1hb Februari, 1978, sa-hingga ka-hari Selasa 7hb Februari, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —

